

Kebolehterjemahan Makna Majāzi Dalam Terjemahan Istilah Sufi Kitab Terjemahan al-Hikam Pendekatan Pengabdian Pada Khaliq Dengan Menggunakan Teknik Yang di Adaptasikan Daripada Teori Penterjemahan Mildred L.Larson

The Translatability of Majāzi Meaning in the Translation of Sufi Terms in the Translation Book al-Hikam Pendekatan Pengabdian Pada Khaliq Using Techniques Adapted from Mildred L. Larson's Translation Theory

Adnan Mat Ali¹, Khairatul Akmar², Muhammad Firdaus³ dan Md Noor bin Hussin⁴

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu penelitian terhadap kesesuaian penggunaan teknik penterjemahan Mildred L.Larson terhadap istilah-istilah sufi yang mengandungi makna Majāzī atau Kiasan daripada bahasa Arab sebagai bahasa sumber kepada bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran bagi kitab terjemahan al-Hikam 'Ibn 'Aṭāillāh. Permasalahan yang sering dihadapi oleh penterjemah semasa melakukan penterjemahan apabila berhadapan dengan perkataan, ayat atau pun frasa yang mengandungi makna Majāzī bahasa sumber. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada pemilihan teknik penterjemahan yang bersesuaian bagi istilah-istilah yang mengandungi makna Majāzī ataupun makna yang tersembunyi di sebalik makna hakiki. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti teknik terjemahan yang diperkenalkan oleh penteorinya terjemahan barat iaitu Mildred L.Larson terhadap istilah-istilah sufi yang terkandung di dalamnya makna Majāzī ataupun makna Kiasan. Justeru, data kajian diambil daripada kitab Terjemahan al-Hikam, Pendekatan Pengabdian Pada Khaliq (TAHPPPK) yang disepadankan dengan terjemahan yang terdapat di dalam kitab Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM) dengan mengguna pakai teknik penterjemahan Mildred Larson. Pengkaji mengadaptasikan strategi penterjemahan bahasa Figuratif yang diperkenalkan oleh Mildred L.Larson dalam penterjemahan istilah-istilah sufi. Justifikasinya kerana perkataan bahasa Figuratif merujuk kepada penggunaan bahasa yang tidak harfiah atau tidak secara langsung untuk mengungkapkan makna yang lebih dalam atau bermakna secara kiasan. Ia melibatkan penggunaan imej, perumpamaan, metafora, simbol atau gaya bahasa lainnya untuk menyampaikan idea, emosi atau konsep yang lebih abstrak atau kompleks. Istilah sufi yang terdapat dalam korpus kajian dianggap sebagai satu bentuk gaya bahasa yang mengandungi maksud yang lebih mendalam. Oleh yang demikian itu, pengkaji mengadaptasikan strategi tersebut dalam meneliti teknik penterjemahan istilah sufi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa

¹ Adnan Mat Ali, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, adnan@kuis.edu.my

² Khairatul Akmar Abd. Latif, PhD, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, khairatulakmar@kuis.edu.my

³ Muhammad Firdaus Abdul Manaf, PhD, Akademi Pengajian Islam Komtemporari, UITM, firdausmanaf@uitm.edu.my

⁴ Md. Noor Hussin, PhD, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, mdnoor@kuis.edu.my

teknik penterjemahan Mildred L.Larson boleh digunapakai dalam meneliti terjemahan istilah sufi yang mengandungi makna Majāzī atau Kiasan. Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya empat teknik sahaja daripada lima teknik penterjemahan Mildred L. Larson yang boleh diaplikasikan dengan teknik 'menterjemah tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa Majāzī bahasa sumber' menunjukkan peratusan penggunaan yang tertinggi. Oleh yang demikian itu, dapatlah disimpulkan bahawa teknik penterjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L.Larson sesuai dan boleh diaplikasikan dalam penterjemahan

Kata kunci : Kitab Hikam, Terjemahan Majāzī, Mildred L.Larson, Istilah Sufi

ABSTRACT

This study is a research on the suitability of using Mildred L. Larson's translation technique for Sufi terms containing figurative or metaphorical meanings from the Arabic language as the source language to Malay as the target language for the translation of the book al-Hikam by Ibn 'Aṭāillāh. Translators often face challenges when dealing with words, sentences, or phrases that contain figurative meanings in the source language. Therefore, this study focuses on selecting appropriate translation techniques for terms that contain figurative or hidden meanings behind their literal meanings. The main objective of the study is to identify the translation techniques introduced by the Western translation theorist Mildred L. Larson for Sufi terms that contain figurative or metaphorical meanings. Thus, the study data was taken from the translation book al-Hikam, Pendekatan Pengabdian Pada Khaliq (TAHPPPK), which was compared with the translation found in the book Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM) using Mildred Larson's translation technique. The researcher adapted the Figurative Language translation strategy introduced by Mildred L. Larson for translating Sufi terms. This is justified because Figurative Language refers to the use of language that is not literal or directly to express deeper or metaphorical meanings. It involves the use of images, analogies, metaphors, symbols, or other literary devices to convey ideas, emotions, or abstract and complex concepts. Sufi terms found in the study corpus are considered as a form of figurative language containing deeper meanings. Therefore, the researcher adapted this strategy to examine the translation techniques of Sufi terms. The findings of the study indicate that Mildred L. Larson's translation technique can be applied to study the translation of Sufi terms containing figurative or metaphorical meanings. The study results show that out of five techniques introduced by Mildred L. Larson, only four techniques can be applied, with the technique of "translating without retaining the imagery or figurative elements of the source language" showing the highest percentage of usage. Therefore, it can be concluded that the translation technique proposed by Mildred L. Larson is suitable and applicable for translation purposes.

Keywords: Book of Hikam, Majāzī Translation, Mildred L.Larson, Sufi Terms

Pendahuluan

Menurut al-Mu'jam al-Wasīṭ (1972) dari segi bahasa perkataan *ḥikam* adalah merupakan kata jamak kepada perkataan hikmah yang mempunyai beberapa pengertian. Perkataan '*al-ḥikmah*' disebut sebanyak 20 kali dalam al-Quran adalah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada kata kerja '*ḥakama*'. Menurut al-Mu'jam al-Wasīṭ, kata '*al-ḥikmah*' adalah kata terbitan hasil daripada kata kerja '*ḥakama*'. Kata terbitan perkataan '*al-ḥikmah*' yang diertikan sebagai keadilan, ilmu pengetahuan, dan kebijaksanaan. Perkataan '*al-ḥikmah*' adalah kata tunggal (*mufrad*). Manakala jamaknya adalah '*al-ḥikam*'.

Manakala dari segi istilahnya pula, perkataan '*al-ḥikmah*' merujuk kepada perkataan yang sedikit tetapi mempunyai kandungan makna yang besar seperti mana definisi berikut:

"الحكمة قول موجز صائب الفكرة رائع التعبير يتضمن معنى مسلما به يهدف إلى الخير والصواب وهي تصدر عن ثقافة أو خبرة أو تجربة"

Maksudnya: Kata-kata hikmah adalah kata-kata yang ringkas, mengandungi idea yang tepat, diungkapkan dengan ungkapan yang menarik, mengandungi makna yang baik dan bermatlamatkan sesuatu yang baik dan betul. Ia lahir daripada sesuatu pengetahuan kebudayaan yang tertentu atau pun sesuatu pengalaman dalam kehidupan manusia (Ahmad Muhammad Saqar, 1990).

Menurut (Othman Napiyah, 1992) kitab al-Ḥikam al-'Aṭā'iyah merupakan sebuah karya dakwah yang mengandungi nilai-nilai tasawuf yang amat tinggi. Kitab ini merupakan dasar kepada ajaran tasawuf Shaykh 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī dan peraturan serta ketetapan tarekat al-Shādziliyyah. Justeru, walaupun beliau dianggap mahir dalam ilmu syariat dan juga amat memahami ilmu kesusasteraan dan kesenian bahasa, namun ketokohan beliau dilihat lebih menonjol dalam bidang pendidikan ilmu tasawuf.

Menurut Sulaiman Ibrahim (2005), isi kandungan kitab al-Ḥikam al-'Aṭā'iyah membicarakan tentang beberapa persoalan pokok dalam ilmu tasawuf iaitu persoalan hakikat ketuhanan, etika sufi dan beberapa panduan serta teknik penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Persoalan-persoalan utama yang disentuh berhubung hakikat ketuhanan banyak tertumpu kepada hubungan intim yang seharusnya berlaku antara manusia dan Allah 'Azza wa Jallā, makrifat Allah 'Azza wa Jallā, tahap-tahap golongan yang mencari makrifat Allah 'Azza wa Jallā dan lain-lain.

Sementara persoalan etika sufi, isu-isu pembersihan jiwa dan nafsu (*tazkiyah al-nafs*) pula difokuskan kepada kepentingan seorang hamba yang *sālik* untuk menyucikan nafsunya daripada kekotoran dosa dan maksiat, pemurnian akhlak daripada akhlak tercela kepada akhlak terpuji, membicarakan keajaiban-keajaiban hati dan nafsu, persoalan zikir dan '*uzlah* yang menjadi wasilah utama ke arah (*tazkiyah al-nafs*) dan lain-lain. Kitab ini juga membahaskan tentang munajat ketuhanan yang amat menyentuh hati yang terkandung dalam bahagian ketiga dalam kitab al-Ḥikam al-'Aṭā'iyah (Sulaiman Ibrahim, 2005). Secara umumnya kandungan kitab tersebut merangkumi beberapa aspek teori dan pemikiran yang sebahagiannya berbentuk sufi, falsafah,

fiqh dan masalah ilmu. Di samping itu, ianya mengandungi istilah-istilah sufi yang membawa maksud yang tidak menunjukkan maknanya yang sebenar atau harfiah seperti contoh istilah “*uzlah*” . Perkataan ini membawa maksud ‘pengasingan, pendirian, menyepi diri’ seperti yang termaktub dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006. Manakala dalam kamus *Mu’jam al-Şūfiy* pula menyatakan bahawa perkataan tersebut merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘menyendiri daripada sifat-sifat yang keji’ (*Mu’jam al-Şūfiy*, 1997)

Latar belakang Kajian

Salah satu disiplin ilmu pengajian Islam yang menjadi fokus kepada para penterjemah Arab-Melayu ialah disiplin ilmu Tasawuf. Sebagai contoh, kitab Tasawuf yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh penterjemah di Malaysia mahupun di Indonesia ialah kitab *Al-Hikam* yang ditulis oleh Tāj al-Dīn ‘Abū al-Faḍl ‘Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Aṭā’illah al-Sakandarī al-Shādzulī atau lebih dikenali dengan nama ‘Ibn ‘Aṭā’illāh al-Sakandarī.

Bidang penterjemahan adalah merupakan salah satu bidang yang mana bagi seseorang penterjemah perlu memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan mencakupi semua cabang ilmu. Tidak dinafikan lagi bahawa pada zaman ini dan seterusnya manusia lebih memerlukan kepada aspek penterjemahan berbanding keperluan mereka kepada aspek penulisan (Ibrahim Zakiy Khur Shid, 1985). Dalam bidang penterjemahan seseorang penterjemah akan menghadapi pelbagai permasalahan dan juga melakukan kesilapan. Hal ini mungkin disebabkan wujudnya pelbagai faktor antaranya ilmu pengetahuan penterjemah yang cetek atau sikap penterjemah itu sendiri yang tidak mengambil berat dan berhati-hati dalam terjemahan yang dilakukan (Bassnet, 1991).

Menurut Newmark (2006) penterjemahan yang berkaitan dengan makna *Majāzī* adalah merupakan masalah yang paling penting dalam terjemahan. Begitu juga Dickins (2002), menjelaskan bahawa makna *Majāzī* yang merangkumi pelbagai bentuk antaranya yang disebut sebagai bentuk metafora, bentuk metonimi, bentuk ironi dan bentuk simile. Semua bentuk *Majāzī* tersebut telah dijadikan sebagai fokus dalam kajian yang berkaitan dengan penterjemahan disebabkan oleh penggunaannya yang meluas di samping ianya juga mempunyai permasalahan tersendiri dalam bidang penterjemahan yang menguji kesabaran dan paling mencabar bagi seseorang penterjemah.

Namun demikian, penterjemahan pada hakikatnya merupakan suatu seni yang amat sukar untuk dikuasai, ini kerana seseorang penterjemah memerlukan bakat serta kemampuan dan juga ilmu pengetahuan yang meluas dalam pelbagai bidang ilmu. Lebih-lebih lagi ilmu pengetahuan yang berkait dengan bahasa sumber dan juga bahasa sasaran. Bidang penterjemahan merupakan salah satu bidang kerjaya yang memiliki disiplinnya yang khusus serta peraturannya yang tersendiri, khususnya ilmu pengetahuan mengenai bidang penterjemahan dan juga peraturan-peraturannya yang mesti diikuti oleh para penterjemah (Hassan Ahmad, 1988). Dalam bidang penterjemahan, seorang penterjemah perlu menambahkan usaha yang lebih gigih lagi untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti. Usaha seorang penterjemah menghasilkan terjemahan yang berkualiti lebih besar berbanding usaha seorang menghasilkan penulisan sebuah buku.

Menurut Rosni Wazir (2018), penterjemahan kitab tasawwuf khususnya kitab Hikam di Malaysia telah diterjemahkan oleh Tokku Pulau Manis yang dijudulkan dengan nama Hikam Jawi. Beliau mengambil pendekatan yang lebih moden dan ringkas dalam proses penterjemahan. Selain Tokku Pulau Manis, Zulkifli Mohamad al-Bakri turut menterjemah kitab Hikam yang dijudulkan dengan nama "Kitab Syarah Hikam". Beliau menterjemah dan menghuraikan terjemahannya dengan pendekatan yang ringkas dan padat.

Permasalahan Kajian

Muhammad Bukhari Lubis (1993) menyatakan bahawa kajian penterjemahan secara teoritis di Malaysia, khususnya penterjemahan Arab-Melayu jarang dilakukan. Menurut beliau lagi, ramai penterjemah Arab-Melayu hanya terlibat dalam amali penterjemahan sahaja. Hal ini terbukti dengan terbitnya ratusan judul karya dan buku agama versi terjemahan dalam bidang Syariah, Tauhid, Tasawuf, Falsafah dan sebagainya (Muhammad Bukhari Lubis, 1993). Namun satu perkara yang perlu

diberi perhatian ialah penekanan terhadap aktiviti penterjemahan berasaskan teori dan metode yang khusus. Keperluan berteori dalam bidang penterjemahan wajar dianggap agenda yang dapat membawa penterjemahan sebagai bidang yang berwibawa (Norwati Yusof, 2005).

Di sebalik aktiviti penterjemahan ini, terdapat beberapa isu penting termasuklah isu ketepatan terjemahan yang berkait rapat dengan metodologi terjemahan. Di samping keperluan menguasai bahasa asal dengan baik, aspek penguasaan ilmu berkaitan bidang yang diterjemahkan juga turut menjadi salah satu isu yang penting.

Penterjemahan buku-buku ini tidak dapat dinafikan adalah satu usaha yang amat penting. Namun realitinya menurut Muhammad Bukhari Lubis (1993), kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa usaha penterjemahan begini daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, lebih-lebih lagi terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab, sungguh jauh dari memuaskan. Beliau turut menyatakan bahawa berdasarkan perangkaan yang telah dibuat jumlah hasil terjemahan Arab-Melayu hanyalah 720 judul buku sahaja dalam jangkakan masa Ogos 1957 sehingga April 1992 dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya disiplin ilmu-ilmu agama. Perangkaan ini amat kecil kerana ia tidak mencerminkan kesungguhan usaha menterjemah yang sebenar-benarnya.

Menurut Firdaus Sulaiman (2016), istilah-istilah sufi ataupun bahasa sufi tidak boleh difahami secara harfiah sahaja. Hal ini kerana ianya banyak dipengaruhi oleh maksud majazi sehingga menyebabkan teks terjemahan kabur. Menurut beliau lagi, dengan memberikan terjemahan yang tepat mengikut maksud yang dikehendaki oleh ahli Sufi dapat memahami maksud istilah sufi dan tasawwuf dengan baik. Maka bertitik tolak daripada isu tersebut, pengkaji berpendapat adalah wajar untuk menjalankan satu kajian dengan mengemuka dan mengadaptasikan padanan terjemahan berasaskan teknik penterjemahan Mildred L. Larson bagi menghasilkan satu gambaran yang komprehensif dan sesuai diaplikasikan berkaitan penterjemahan makna Majazi dalam istilah sufi daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu).

Objektif Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan melihat kepada:

1. Mengenal pasti teknik-teknik terjemahan makna *Majāzī* yang digunakan dalam terjemahan kitab Terjemahan al-Ḥikam Pendekatan Pengabdian pada Khaliq.
2. Mengenal pasti teknik terjemahan Mildred L.Larson yang sesuai diadaptasi dan diaplikasikan dalam terjemahan istilah sufi di dalam kitab Terjemahan al-Ḥikam Pendekatan Pengabdian pada Khaliq.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengutamakan konsep kajian kepustakaan dalam pengumpulan data. Rujukan sumber terdiri daripada sumber utama atau premier dan sumber sekunder. Sumber utama dikutip daripada kitab 'Terjemahan al-Ḥikam Pendekatan Pengabdian Pada Khaliq' (TAHPPPK) (2001) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh H. Salim Bahreisy dan kitab 'Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM) cetakan keempat (2012) yang ditulis oleh Shaykh Malik bin Abdullah dan disusun kemas oleh Amdan bin Hamid. Manakala, data sekunder pula diperoleh melalui bahan-bahan bacaan yang mempunyai kaitan dengan analisis sampel kajian yang dipetik daripada kitab *al-Mu'jam al-Ṣūfī* (1997)' dan 'Kamus Besar Arab Melayu Dewan' (2006 dikemaskini pada tahun 2013).

Metode penyelidikan perpustakaan digunakan untuk menghasilkan data dalam bentuk fakta yang diperolehi melalui buku, kamus, tesis, jurnal, majalah dan juga internet yang berkaitan dengan topik perbincangan *Majāzī*, kitab al-Ḥikam dan *Ḥikamul 'Atāiyyah* serta aspek yang berkaitan dengan teknik penterjemahan. Seterusnya pengkaji meneliti dan menentukan istilah sufi yang mengandungi makna *Majāzī* yang terdapat dalam kitab TAHPPPK terjemahan H. Salim Bahreisy yang merupakan subjek bagi kajian ini. Setiap istilah sufi yang telah dikenal pasti dan dipilih oleh pengkaji disahkan pula oleh seorang pakar bidang Tasawuf supaya pilihan yang dibuat tepat dan tidak menyimpang daripada kehendak asal kajian.

Pengkaji mengambil terjemahan *Ḥikamul 'Atāiyyah* sebagai sumber utama untuk mengenal pasti makna *Majāzī* yang terkandung dalam terminologi sufi melalui kitab terjemahan tersebut. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini merupakan kajian bidang terjemahan yang baharu yang melibatkan kitab tasawuf. Terdapat juga kajian lain dalam bidang penterjemahan yang mengambil kitab Hikam sebagai korpus kajian.

Kajian peringkat sarjana ini telah dijalankan oleh Humairoh (2015), bertajuk 'Ketepatan Terjemahan dalam Kitab al-Ḥikam Analisis Makna Kontekstual. beliau merupakan graduan sarjana dari Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta. Beliau menjalankan kajian yang berkaitan dengan analisis ketepatan terjemahan makna yang terdapat dalam buku terjemahan al-Ḥikam dari halaman 1-12. Tujuan kajian tersebut dijalankan untuk mengetahui bagaimana menterjemahkan

teks bahasa sumber tanpa menjejaskan maksud makna asal. Oleh yang demikian itu, menurut pengkaji lagi, bahasa sumber mesti disampaikan ke dalam bahasa sasaran tanpa menjejaskan maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang. Penterjemah mesti mengekalkan seboleh mungkin mencari makna yang setara dalam bahasa sasaran, sama ada dari aspek mesej, emosi pengarang, bentuk linguistik, teks dan suasana yang lain.

Pengkaji menyatakan pemadanan kontekstual teks sumber menjadi teks sasaran secara maksimum mungkin ini adalah intipati dalam menyampaikan mesej. Makna kontekstual sangat kompleks yang memerlukan penterjemah untuk mengetahui situasi, keadaan, ruang dan masa teks sumber. Penterjemah bukan hanya mencurahkan idea, fikiran atau idea teks sumber. Justeru, penterjemah mestilah benar-benar pandai atau mahir dalam memilih terjemahan yang setara dalam bahasa sasaran. Ini dapat dipakai dengan membalikkan susunan perkataan dalam ayat bahasa sasaran, menerapkan tekanan, mengurangkan tekanan, mengurangkan luas makna atau memperluasnya dan mencari penyesuaian lain.

Oleh yang demikian itu, pengkaji telah membuat penelitian terhadap penterjemahan perkataan melalui analisis kontekstual terhadap makna yang terkandung dalam bahasa sumber yang dipetik dalam buku terjemahan al-Ḥikam yang merupakan korpus kajian bermula dari halaman 1 hingga 12. Menurut pengkaji masih terdapat teks terjemahan yang tidak sesuai dengan bahasa sumber. Menurut pendapat pengkaji lagi, semua perkataan bahasa sumber sebenarnya dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, dengan satu catatan bahawa tahap budaya kedua-dua penutur bahasa itu tidak terlalu jauh.

Merujuk kepada penjelasan di atas, pengkaji menyatakan bahawa kajian yang dijalankan oleh beliau bertujuan untuk mengupas sedikit tentang terjemahan, terutama mengenai ilmu penyelidikan makna yang merujuk kepada teori kontekstual, sehingga terhasillah sebuah kajian yang menganalisis terjemahan al-Ḥikam oleh Shaykh 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī dengan memberikan tajuk 'Ketepatan Terjemahan Buku al-Ḥikam (Analisis Makna Kontekstual)'.

Humairoh (2015) menyatakan objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui penterjemahan makna kata dalam kitab al-Ḥikam dari halaman 1 hingga 12 yang bersesuaian dengan konteks. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui cara memilih makna kata yang tepat dalam penterjemahan buku terjemahan al-Ḥikam dari halaman 1 hingga 12.

Dari segi metodologi kajian pengkaji telah menguna pakai metode penelitian. Metode penelitian ini, menggunakan penelitian kualitatif deskriptif. Penelitian kualitatif iaitu prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang diamati yang tidak menggunakan angka. (Roslan Ali. et. al. 2022). Manakala penelitian deskriptif pula bermaksud penelitian yang mengungkapkan masalah dengan cara dan keadaan yang sebagaimana adanya. Deskriptif adalah sifat data penelitian kualitatif. Wujud datanya berupa deskripsi objek penelitian. Data diperolehi dari buku terjemahan kitab al-Ḥikam.

Sumber data penelitian ini adalah kitab *Sharah al-Ḥikam* karya 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī dan buku terjemahan *The Book of Wisdom al-Ḥikam* karya 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī dari penerbit Pustaka Thurāth yang diterbitkan pada tahun 2013. Pengkaji telah mengambil sampelnya dari halaman 1 hingga 12. Buku terjemahan al-Ḥikam memang sudah banyak beredar dan sangat menarik banyak minat pembacanya, pengkaji tertarik untuk membahas penelitian dengan kitab ini kerana

pengkaji ingin mengetahui bagaimana cara penterjemahannya dalam menterjemahkan buku ini. Menurut pengkaji lagi, sebab penterjemahan bukan hanya memindahkan kata tapi juga harus berupaya mempertahankan apa maksud dari bahasa sumber hingga sampailah maknanya ke dalam bahasa sasaran tanpa mengurangi amanat dari sang penulisnya.

Berdasarkan dari beberapa terjemahan kitab al-Ḥikam dari halaman 1 hingga 12, pengkaji hanya menemukan beberapa teks atau kata yang tidak tepat makna kontekstualnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa penterjemah menterjemahkan perkataan bahasa sumber dengan gaya harfiah, tidak sesuai dengan apa yang dimaksud oleh bahasa sumber dari penulis.

Kajian juga mendapati bahawa penterjemah yang tidak memahami konteks sebenar yang dimaksudkan oleh bahasa sumber dan hanya bersandarkan kepada terjemahan harfiah semata-mata maka akan menghasilkan terjemahan yang tidak tepat. Hasil kajian menunjukkan bahawa terjemahan kitab al-Ḥikam dari halaman 1 hingga 12 ditemukan beberapa makna yang tidak sesuai, tidak efektif, ketidaktepatan dalam penempatan tata bahasa dan tidak difahami maksud dari bahasa sumbernya.

Justeru, cara pemilihan makna kata yang tepat haruslah mengandungi dua aspek iaitu aspek bentuk atau ekspresi dan aspek isi makna. Bentuk adalah segi yang dapat diserap dengan panca indera, iaitu dengan mendengar atau melihat. Sebaliknya dari aspek isi atau makna adalah segi yang menimbulkan reaksi dalam pikiran pendengar atau pembaca keana rangsangan aspek bentuk.

Kajian yang dijalankan oleh Humairoh (2015) ini menjadi rujukan penting bagi kajian yang sedang dijalankan iaitu 'Penterjemahan Istilah Sufi Arab ke dalam Bahasa Melayu: Kajian Terhadap Terminologi Sufi Dalam Kitab Hikam 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī'. Dengan bersandarkan daripada hasil kajian yang dilakukan oleh Humairoh ini maka pengkaji akan memperincikan perbahasan yang ditinggalkan sepertimana yang telah disarankan oleh Humairoh di akhir kajiannya agar kajian yang dilakukan oleh beliau dapat diperincikan lagi perbahasannya oleh penyelidik yang lain yang berkaitan dengan terjemahan dengan menjadikan kitab al-Ḥikam sebagai korpus kajian. Beliau menyedari banyaknya keterbatasan ilmu yang dimiliki beliau dalam menganalisis penelitian ini. Justeru, beliau berharap agar kajian yang telah dijalankan ini dapat diteruskan lagi dalam kajian lanjutan.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji menumpukan kepada analisis teknik penterjemahan istilah sufi *Ḥikamul 'Aṭā'iyyah* yang mengandungi makna *Majāzī* dalam kitab Terjemahan al-Ḥikam Pendekatan Pengabdian pada Khaliq (TAHPPPK), terjemahan H. Salim Bahreisy.

Objektif utama kajian ini adalah menumpukan kepada analisis teknik penterjemahan makna *Majāzī* yang diguna pakai oleh penterjemah TAHPPPK dalam korpus kajian. Terjemahan terhadap terminologi sufi dalam korpus kajian dianalisis dengan menggunakan teori yang diadaptasikan daripada teori teknik penterjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson. Antara sebab utama pemilihan makna *Majāzī* sebagai fokus kajian adalah disebabkan ciri-ciri makna *Majāzī* yang menimbulkan kesukaran kepada penterjemah dalam proses penterjemahan yang melibatkan bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Teknik penterjemahan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengukur terjemahan korpus kajian adalah dengan mengadaptasikan teori penterjemahan yang diperkenalkan oleh Mildred L. Larson berdasarkan kepada lima teknik penterjemahan unsur *Majāzī* yang dikemukakan oleh beliau. Pertama, menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber.

Kedua, Mengekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber. Ketiga, mengekalkan makna *Majāzī* bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya. Keempat, menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada bentuk simili dan Kelima, menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada makna *Majāzī* bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama atau pun serupa.

Pengkaji menyenaraikan istilah-istilah sufi yang terkandung dalam hikmah-hikmah 'Aṭāiyyah daripada kitab TAHPPPK. Seterusnya pengkaji menentukan kesahihan terminologi sufi dalam *Hikamul 'Aṭāiyyah* tersebut dengan merujuk kepada *al-Mu'jam al-Ṣūfī*. Hasil daripada sampel yang telah dianalisis daripada jumlah keseluruhan hikmah. Pengkaji hanya memilih sebanyak 111 hikmah sahaja daripada jumlah keseluruhan yang telah dianalisis iaitu sebanyak 294 hikmah yang disusun mengikut susunan huruf abjadiyyah atau pun susunan mengikut *al-Mu'jam al-Ṣūfī*.

Justifikasi pemilihan 111 sampel daripada jumlah keseluruhan 294 yang disenaraikan di sini adalah berdasarkan kekerapan penggunaan teori terjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson. Pengkaji tidak menyenaraikan hikmah yang menunjukkan penggunaan teori yang sama bagi istilah yang berulang, sebaliknya pengkaji hanya memilih teori yang berlainan yang terdapat di bawah istilah yang sama.

Ulasan Perpustakaan

Melalui penelitian pengkaji, teknik terjemahan yang diperkenalkan oleh Mildred L.Larson (1984) dalam buku beliau yang berjudul 'Meaning-based Translation: A Guide to Cross-Language Equivalence telah diguna pakai oleh ramai pengkaji dalam kajian mereka yang berkaitan dengan frasa, perkataan, peribahasa, pepatah, perumpamaan, simpulan bahasa dan metafora atau ungkapan yang berbentuk makna majazi atau kiasan. Makna *Majāzī* dalam Kamus Dewan Edisi yang Keempat diertikan sebagai kiasan. Di antara makna kiasan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat antaranya bermaksud 'erti-erti yang tersembunyi iaitu lain daripada erti yang ternyata'.

Antara contoh kajian lain penggunaan teknik penterjemahan Mildred L.Larson dalam menangani dan menganalisis isu-isu yang berkaitan penterjemahan makna tersirat di sebalik makna hakiki.

Melati Desa (2020) menjalankan kajian beliau yang bertajuk "Analisis Terjemahan Metafora Hidup Dan Personifikasi Dalam Novel Jepun Haru No Yuki". Kajian ini telah mengguna pakai teknik penterjemahan Larson (1984). Penterjemah telah memanfaatkan lima teknik terjemahan yang diperkenalkan oleh Larson (1984). Kesimpulan berikutnya ialah, teknik penterjemahan Mildred L.Larson digunakan sebagai panduan untuk menterjemah unsur metafora yang mengandungi makna yang tersirat disebalik maknanya yang hakiki.

Kajian yang telah dilakukan oleh Jaafar Bin Jambi (2001) berjudul "Terjemahan Bahasa Kiasan Dalam Novel *Kokoro* Dari Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu – Satu Analisis". Pengkaji telah menjalankan kajian dan menganalisis terjemahan bahasa kiasan daripada bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu untuk mengenal pasti bahasa kiasan yang digunakan dan strategi-strategi penterjemahan bahasa kiasan yang diambil penterjemah. Pengkaji mengambil lima strategi penterjemahan yang diperkenalkan oleh Mildred L.Larson sebagai teknik penterjemahan dalam menentukan penterjemahan bahasa kiasan.

Contoh Analisis Sampel TAHPPPK Berdasarkan Teknik Penterjemahan Yang Diadaptasikan Daripada Teknik Penterjemahan Mildred L.Larson

Teknik menterjemah perkataan yang mempunyai unsur *Majāzī* yang diadaptasikan daripada teori yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson seperti yang tercatat dalam bukunya yang berjudul *Meaning Based Translation. A Guide to Cross-Language Equivalence* adalah seperti berikut;

1-Mengekalkan imej atau unsu-unsur makna *Majāzī* bahasa sumber.

اجتهاد

اجتهادك فيما ضمن لك ، وتقصيرك فيما طلب منك - دليل على انطماس البصيرة منك.

(Hikmah:5)

Teks terjemahan: Kerajinanmu untuk mencapai apa-apa yang telah dijamin pasti akan sampai kepadamu, di samping kelalaian terhadap kewaipan-kewajipan yang diamanatkan (ditugaskan) kepadamu, membuktikan butanya mata hatimu. (H. Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel kitab TAHPPPK ini merujuk kepada perkataan *ijtihād*. Perkataan ini membawa maksud ‘berusaha sekuat tenaga atau sedaya upaya’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada terminologi sufi yang merujuk kepada makna ‘mencurahkan sepenuh tenaga untuk mencapai sesuatu yang sukar dan susah’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *ijtihād* tersebut merujuk kepada maksud ‘kesungguhan anda untuk mencapai sesuatu’ (SHTPM, 2012). Perkataan *ijtihād* mengikut teori konteks yang diadaptasikan daripada teori penterjemahan Mildred L. Larson merujuk kepada teknik terjemahan *Majaz* yang ‘mengekalkan imej atau unsur-unsur makna *Majāzī* bahasa sumber’. Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam korpus kajian kitab TAHPPPK, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat walaupun menggunakan perkataan yang berbeza.

2-Menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada bentuk simili

بسط

الفاقات بسط المواهب.

(Hikmah:189)

Teks terjemahan: Berbagai macam ujian bala (serta kekurangan) itu, bagaikan hampanan untuk hidangan pemberian-pemberian kurnia Allah ‘azza wa jallā. (H. Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel kitab TAHPPPK ini merujuk kepada perkataan *bast*. Perkataan ini membawa maksud ‘membentangkan, mendedahkan, menjadikannya mudah’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada 11 terminologi sufi yang merujuk kepada makna ‘keadaan hati yang lapang’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *bast* tersebut merujuk kepada maksud ‘sentiasa amat berhajat itu (serba kekurangan) itu bagaikan hamparan untuk hidangan pemberian anugerah Allah ‘azza wa jallā.’ (SHTPM, 2012). Perkataan *bast* mengikut teori konteks yang diadaptasikan daripada teori penterjemahan Mildred L. Larson merujuk kepada teknik terjemahan *Majaz* yang ‘menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada bentuk simili’. Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam korpus kajian kitab TAHPPPK, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat sebagaimana terjemahan yang dikemukakan oleh SHTPM.

3-Menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada makna *Majāzī* bahasa sasaran yang mempunyai makna yang serupa.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, tiada imej atau unsur-unsur bahasa sumber yang berlainan dengan imej atau unsur-unsur bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama dalam TAHPPPK yang mengaplikasikan teknik terjemahan ini.

4-Mengekalkan makna *Majāzī* bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya.

إخلاص

الأعمال صور قائمة وأرواحها وجود سر الإخلاص فيها.

(Hikmah:10)

Teks terjemahan: Amal perbuatan itu sebagai kerangka yang tegak, sedang ruh (jiwanya), ialah terdapatnya rahsia ikhlas (ketulusan) dalam amal perbuatan itu. (H. Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel kitab TAHPPPK ini merujuk kepada perkataan *īkhlās*. Perkataan ini membawa maksud ‘sifat ikhlas’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada terminologi sufi yang merujuk kepada makna ‘seorang hamba yang ikhlas tidak akan melakukan sebarang perbuatan melainkan kerana Allah ‘azza wa jallā’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *īkhlās* tersebut merujuk kepada maksud ‘amal perbuatan itu laksana rupa (tubuh) yang berdiri tegak, sedang rohnya ada rahsia ikhlas yang terdapat dalam amal perbuatan itu.’ (SHTPM, 2012). Perkataan *īkhlās* mengikut teori konteks yang diadaptasikan daripada teori penterjemahan Mildred L. Larson merujuk kepada teknik terjemahan *Majaz* yang ‘mengekalkan makna *Majāzī* bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya’. Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam korpus kajian kitab TAHPPPK, pengkaji mendapati

terjemahan yang dikemukakan oleh HSB menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat sepertimana terjemahan yang dikemukakan oleh SHTPM.

5-Menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur-unsur makna *Majāzī* bahasa sumber.

أحوال

تنوعت أجناس الأعمال لتنوع واردات الأحوال.

(Hikmah:9)


Teks terjemahan: Beraneka warna jenis amal perbuatan, kerana bermacam-macam pula pemberian kurnia Allah ‘azza wa jallā yang diberikan kepada hambanya. (H. Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel kitab TAHPPPK ini merujuk kepada perkataan *ahwāl*. Perkataan ini membawa maksud ‘masa sekarang, keadaan seseorang’ (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada terminologi sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu kurniaan yang diberikan Allah ‘azza wa jallā kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *ahwāl* tersebut merujuk kepada maksud ‘keadaan ahwal warid yang datang ke dalam hati.’ (SHTPM, 2012). Perkataan *ahwāl* mengikut teori konteks yang diadaptasikan daripada teori penterjemahan Mildred L. Larson merujuk kepada teknik terjemahan *Majaz* yang ‘menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur-unsur makna *Majāzī* bahasa sumber.’ Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam korpus kajian kitab TAHPPPK, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat walaupun menggunakan perkataan yang berbeza.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya makna *Majāzī* atau *Kiasan* dalam terminologi sufi *Hikamul ‘Atāiyah*. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil penelitian terhadap terminologi sufi dalam *al-Mu’jam al-Ṣūfī* yang kebanyakannya membawa maksud berlainan dengan maksud yang terdapat dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan KBAMD.



Carta di atas menunjukkan hasil dapatan kajian bahawa peratusan yang paling rendah bagi teknik penterjemahan Mildred L. Larson yang diguna pakai oleh penterjemah kitab TAHPPPK adalah sebanyak 1% bersamaan satu teknik penterjemahan sahaja iaitu ‘Menukarkan makna *Majāzī* bahasa sumber kepada bentuk simili’, Manakala peratusan kedua rendah pula adalah sebanyak 22% bersamaan 25 teknik penterjemahan Mildred L. Larson yang telah diguna pakai oleh penterjemah TAHPPPK iaitu ‘Mengekalkan makna *Majāzī* bahasa sumber dengan memberikan penjelasan maknanya’.

Manakala peratusan kedua tinggi adalah sebanyak 38% bersamaan 42 teknik penterjemahan Mildred L. Larson yang diguna pakai oleh penterjemahan TAHPPPK iaitu ‘Mengekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber’. Peratusan tertinggi bagi penggunaan teknik penterjemahan Mildred L. Larson yang diaplikasikan oleh penterjemah dalam menterjemah kitab TAHPPPK adalah sebanyak 39% bersamaan dengan 43 teknik penterjemahan yang dicadangkan oleh Mildred L. Larson iaitu teknik ‘Menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber’.

Daripada dapatan peratusan kekerapan umum terjemahan *Majāzī* dalam kitab TAHPPPK yang diterjemahkan oleh H. Salim Bahreisy di atas, memberi gambaran umum kepada penterjemahan kitab-kitab tasawuf yang lain turut menggunakan teori terjemahan Mildred L Larson yang pertama dan kedua iaitu ‘Mengekalkan imej atau unsur makna *Majāzī* bahasa sumber’ dan ‘Menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber’.

Rumusan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya makna *Majāzī* dalam terminologi sufi *Ḥikamul 'Aṭā'iyyah*. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil penelitian terhadap terminologi sufi dalam *al-Mu'jam al-Ṣūfī* yang kebanyakannya membawa maksud berlainan dengan maksud yang terdapat dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan KBAMD.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik penterjemahan yang dikemukakan oleh Mildred L. Larson iaitu 'menterjemah tanpa mengekalkan imej dan unsur makna *Majāzī* bahasa sumber' menunjukkan peratusan tertinggi yang digunakan oleh penterjemah dalam kitab terjemahan beliau TAHPPPK. Jumlah peratusan tersebut mewakili 43 sampel yang dianalisis daripada jumlah keseluruhan 111 sampel. Teknik terjemahan jenis ini memberikan pilihan atau pun kebebasan kepada penterjemah untuk menyampaikan mesej atau makna teks sumber kepada makna yang mudah difahami oleh pembaca sasaran.

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 109 daripada jumlah keseluruhan 111 sampel kajian terminologi sufi makna *Majāzī* menepati padanan konteks ayat dalam kitab SHTPM dan wajar dikekalkan terjemahannya walaupun terdapat dalam beberapa sampel kajian yang berbeza dari aspek penggunaan leksikal namun kedua-duanya, korpus dan SHTPM menunjukkan makna yang sama. Pengekalan terjemahan ini berdasarkan padanan ketepatan terjemahan setiap sampel dengan maksud *Majāzī* sebagaimana yang telah diterjemahkan oleh Tok Pulau Manis dalam kitabnya SHTPM. Jumlah sampel kajian yang menepati padanan konteks ayat tersebut bersamaan dengan 82% daripada jumlah keseluruhan data kajian.

Manakala dua sampel kajian daripada jumlah keseluruhan 111 sampel kajian lagi disarankan agar diubah terjemahannya yang mewakili 2% daripada jumlah keseluruhan data kajian. Rasional cadangan ini, berasaskan kepada faktor kesamaran dalam memahami terjemahan teks sumber dan juga terjemahan yang tidak terikat dengan teks sumber. Justeru, masih terdapat ruang penambahbaikan pada terjemahan terhadap makna *Majāzī* terminologi sufi yang boleh diguna pakai. Cadangan penambahbaikan ini berkaitan laras bahasa dan pemilihan bahasa sasaran yang lebih sesuai serta dapat menjelaskan lagi maksud makna *Majāzī* terminologi sufi tersebut.

Penutup

Secara kesimpulan terjemahan al-Ḥikam 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī ini mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam kalangan pencinta-pencinta ilmu kerohanian di seluruh asia tenggara. Dalam masa yang sama, ia juga merupakan terjemahan kepada unsur Islam yang ketiga iaitu yang meliputi dalam bidang tasawuf atau *Ihsānuddīn*. Dengan sebab itu, amatlah wajar sekiranya terjemahan kitab ini dalam bahasa Melayu diperluaskan mengikut proses penterjemahan secara formal sebagaimana yang berlaku dalam proses-proses penterjemahan. Ini kerana, ia akan memberi manfaat kepada generasi yang akan datang serta menjamin kelangsungan manfaatnya secara berterusan.

Sememangnya kefahaman yang sebenar bagi kata-kata hikmah ini lebih memberi kesan apabila ia boleh difahami melalui bahasa sumber iaitu bahasa Arab, akan tetapi bagi mereka yang tidak memahami bahasa Arab atau pun yang kurang menguasai kemahiran bahasa Arab dengan baik akan memerlukan kepada terjemahan yang tepat dan memadai bagi keperluan mereka untuk

memahami teks *Ḥikamul 'Aṭā'iyyah*. Oleh yang demikian, proses penterjemahan tidak dapat dielakkan daripada berlaku demi memenuhi keperluan mereka yang tidak menguasai bahasa sumber.

Kerumitan yang sering kali berlaku kepada pembaca kitab al-Ḥikam 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī ini adalah berpunca daripada terminologi sufi khusus yang digunakan oleh pengarang iaitu 'Ibn 'Aṭā'illāh al-Sakandarī yang menyebabkan kata-kata hikmah ini tidak dapat difahami dengan jelas sekiranya mereka tidak memahami isitilah-istilah yang digunakan apatah lagi sekiranya diterjemahkan dengan secara literal akan membawa kepada ketidaktepatan maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang asal. Di sini, terlihat dengan lebih jelas lagi keperluan kepada terjemahan kitab Ḥikam tersebut berdasarkan kepada terjemahan yang dikehendaki oleh makna istilah ketika melakukan proses penterjemahan.

Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu penterjemah kitab Arab-Melayu dalam menangani permasalahan penterjemahan yang berkaitan dengan makna Majāzī yang terkandung di dalam teks Tasawuf. Kajian ini juga penting untuk dilakukan sebagai membantu pengkaji-pengkaji bahasa sumber dan juga pembaca-pembaca bahasa sumber khususnya yang berkaitan dengan karya-karya asli Arab dan secara amnya dapat membantu pengkaji-pengkaji yang menjalankan kajian mereka dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu. Dengan wujud dan terhasilnya kajian seumpama ini, diharapkan isu-isu yang berkaitan dengan penterjemahan makna Majāzī bahasa Arab diharapkan dapat memberikan makna yang hampir tepat apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Dalam hal ini, Azman Che Mat (2010) menjelaskan bahawa perlu mempergiatkan dan membangunkan aktiviti-aktiviti penterjemahan khususnya yang berkaitan dengan Arab-Melayu. Hal demikian kerana sumber-sumber yang menjadi rujukan agama dan tamadun Islam banyak dihasilkan dan terdapat dalam bahasa Arab. Justeru, sebarang usaha dan juga aktiviti penterjemahan yang dijalankan itu dianggap sebagai sebahagian aktiviti dakwah yang perlu dipergiatkan dari masa ke semasa.

Penggunaan teori yang bersesuaian dan sepanan khususnya yang berdiri dengan sendiri adalah wajar diberikan keutamaan. Secara amnya, menurut Norwati (2005) penggunaan teori yang minimum dalam kalangan pengkaji-pengkaji ataupun pengiat-pengiat aktiviti penterjemahan di Malaysia telah mengakibatkan tahap kematangan serta keprofesionalan bidang penterjemahan di Malaysia tidak begitu menyinar dan seterusnya menderitakannya sebagai sebuah disiplin ilmu yang amat berwibawa dan dikagumi. Kesan daripada itu maka mengakibatkan kesukaran untuk mendapatkan pengiktirafan keprofesionalan dalam bidang penterjemahan. Manakala dari sudut penulisan buku-buku teori dan strategi penterjemahan Arab-Melayu di Malaysia juga agak sedikit dan terbatas dan jarang dijumpai di pasaran sekiranya dibandingkan dengan buku-buku teori dan strategi penterjemahan buku Inggeris-Melayu. Antara penterjemah dan penulis teori Arab-Melayu yang giat menghasilkan buku-buku yang membahaskan teknik serta strategi penterjemahan Arab-Melayu ialah "Penterjemahan Arab-Melayu: Peraturan dan Dasar" yang ditulis dan disusun semula oleh Mohd Hilmi Abdullah (2008) serta buku "*al-Tarjamah bāyn al-'Arabiyyah wa al-Malāyuwiyyah: al-Nazariyyah wa al-Mabādi*" oleh Majdi Hj Ibrahim (2009).

Rujukan

- Amdan, H. (2012). *Syarah Hikam Tok Pulau Manis: Membongkar Rahsia Perjalan Sufi*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Azman, C. M. (2010). *Terjemahan Struktur Shibih al-Jumlah dalam Wacana Bahasa Arab: Analisis Sintaksis – Semantik*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Terengganu. Malaysia.
- Bahreisy, H. Salim. (2001). *Terjemahan al-Ḥikam, Pendekatan Pengabdian pada Khaliq*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Bassnet, Susan. (1991). *Translation Studies*. London and New York: Routledge.
- Dickins, J. Hervey, S. & higgins, I. (2002). *Thinking Arabic Translation*. London: Routledge.
- Firdaus, S. (2016). *Tafsir Sufi: Kajian Analitikal Terhadap Kitab Tafsir al-Baḥr al-Madīd Fi Tafsir al-Quran al-Majīd Oleh Ibn 'Ajībah*. Tesis Kedoktoran. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- al-Ḥafnī, 'Abd al-Mun'im. *al-Mu'jam al-Ṣūfī*. (1997). al-Qāhirah: Dār al-Rashād.
- Hassan, A. (1988). *Penterjemah Ialah Seorang Profesional, dalam: Bahasa Sastera Buku, Cetusan Hassan Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Humairoh. (2015). *Ketepatan Terjemahan Kitab al-Ḥikam (Analisis Makna Kontekstual)*. Tesis Sarjana. Jakarta. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- 'Ibrāhim Zakī Khūr Shid. (1985). *al-Tarjamah wa Mushkilātuhā*. al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Ammah Lī al-Kitāb.
- Jambi, Jaafar. (2001). *Terjemahan bahasa kiasan dalam novel 'Kokoro' dari bahasa Jepun ke bahasa Melayu : satu analisis*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Melati Desa. 2020. *Analisis Terjemahan Metafora Hidup Dan Personifikasi Dalam Novel Jepun Haru No Yuki*. International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics. 115-139. Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Pulau Pinang.
- Mildred L.Larson (1984). *Meaning-based Translation: A Guide to Cross-Language Equivalence*. University Press of America, Lanham, MD.

- Muhammad Bukhari, L. (1993). *Menerjemahkan Idiom Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu: Beberapa Pengamatan*. Kertas Kerja Seminar Terjemahan Arab-Melayu. Anjuran UKM dan DBP. Kuala Lumpur.
- al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. (1972). Mesir. Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah.
- Newmark, Peter. (2006). *al-Jāmi’ fī al-Tarjamah, (A Textbook of Translation)*. Terjemahan: Ḥassan Ghazzālāh. Beyrūt: Dār wa Maktabat Ḥilāl.
- Norwati, M.Y. (2005). *Teori Terjemahan: Keperluan Berteori dalam Konteks Terjemahan di Malaysia*. Dalam: Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu PTS Professional Publishing.
- Othman, N. (1992). *Ajaran-ajaran Tasawuf ‘Ibn ‘Aṭā’illāh al-Sakandarī Yang Penting Dalam Kitabnya al-Hikam*. (Tesis Ijazah Sarjana yang tidak Diterbitkan). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Rosni, W. (2018). Pendekatan Tasawuf al-Taftāzanī dalam Sharh al-‘Arba’in al-Nawawiyah: Analisis Perbandingan dengan Karya Syarah Hikam oleh Tok Pulau Manis dan Logika Agama oleh M. Quraish Shihab. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Sulaiman, I. (2005). *Manhaj Dakwah al-Shaykh ‘Ibn ‘Aṭā’illāh al-Sakandarī dan Pengaruhnya di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak Diterbitkan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Malaysia.